

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Bangunan warisan perlu _____ kerana mempunyai nilai seni dan estetik yang tinggi.
 A dipelihara C diwarisi
 B diawasi D dipupuk
- 2 Karya sastera yang bermutu dapat membentuk peribadi dan meningkatkan _____ seseorang.
 A daya cipta C daya gerak
 B daya fikir D daya tahan

Soalan 3 – 4

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 3 Permainan tradisional menjadi ejen penting untuk mengeratkan silaturahmi di antara satu sama lain. Tiada kesalahan.
 A
 B
 C
 D
- 4 Terdapat pelbagai iklan yang memaparkan keunikan dan kraftangan buatan Malaysia. Tiada kesalahan.
 A
 B
 C
 D

Soalan 5

Pilih maksud peribahasa yang paling sesuai.

- 5 Biar mati anak, jangan mati adat. Maksud peribahasa di atas ialah
 A adat resam tidak boleh dilanggar.
 B sesuatu yang tetap utuh, tidak berubah-ubah.
 C sukar menyelesaikan tugas yang tidak dibuat dengan betul.
 D kita harus mematuhi peraturan atau budaya di sesuatu tempat.

Soalan 6 – 7

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 6 Permainan tradisional semakin lama semakin tidak mendapat tempat dalam kalangan masyarakat.
 A makin lama semakin tidak dapat
 B semakin lama makin tidak mendapat
 C semakin lama semakin tidak mendapatkan
 D semakin lama semakin tidak mendapat
- 7 Persatuan Silat akan dibentuk bagi galakkan para murid cintai seni pertahanan diri dan memeliharanya daripada pupus ditelan zaman.
 A menggalak para murid cintai
 B menggalakkan para murid cintai
 C menggalakkan para murid mencintai
 D galakkan para murid cintai

Soalan 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 8 I Makin dewasa, makin terserlah keayuan gadis Kadazan itu pada mata Amin.
 II Jamilah memilih sepasang baju kebaya yang amat cantik untuk menghadiri majlis anugerah di syarikatnya.
 III Banyak terdapat bangunan bersejarah yang menjadi tumpuan pelancong di Melaka.
 IV Semua kaum-kaum mempunyai budaya dan tradisi masing-masing.
 A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
 B III dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja

Ulasan
Jawapan PT3 2019

Sistem Bahasa Bahagian A – Soalan 4 Jawapan ialah C. Kata adjektif *tipis* yang membawa maksud *sedikit sahaja* atau *hampir tidak ada* lebih menepati konteks ayat.